

22/02/2001

Abang Muhammad Salahuddin Yang Dipertua Negeri Sarawak

KUALA LUMPUR, Rabu - Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng hari ini dilantik Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang baru.

Salahuddin, 79, yang sebelum ini memegang jawatan itu menggantikan Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor yang meninggal dunia pada 5 Disember lalu.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menyampaikan surat cara pelantikan kepada Abang Muhammad Salahuddin dalam satu upacara di Istana Negara.

Turut hadir pada upacara itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri dari Sarawak, termasuk Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding; Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu.

Abang Muhammad Salahuddin pernah menjadi Yang di-Pertua Negeri selama empat tahun mulai 2 April 1977.

Abang Muhammad Salahuddin yang dilahirkan di Sibu, memainkan peranan aktif dalam politik Sarawak sebelum pembentukan Malaysia, dengan membantu menubuhkan Barisan Pemuda Sarawak dan Parti Barisan Rakyat Jati Sarawak.

Turut hadir pada upacara itu ialah Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail; Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan Peguam Negara Datuk, Ainum Mohamed Said.

Pelantikan beliau kali ini adalah bagi menggantikan Yang Dipertua Negeri Sarawak kelima, Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor yang meninggal dunia pada 5 Disember tahun lalu.

Sebelum ini, beliau dilantik sebagai Pemangku Yang Dipertua Negeri Sarawak pada 4 Disember tahun.

Yang Dipertua Negeri Sarawak pertama ialah Tun Openg (16 September 1963 hingga 28 Mac 1969) dan kedua, Tun Tuanku Bujang Tuanku Othman yang dilantik selama dua penggal (2 April 1969 - 1 April 1973) dan (2 April 1973 - 1 April 1977).

Selepas sepenggal Abang Muhammad Salahudin menjadi Yang Dipertua Negeri dari 2 April 1977 hingga 1 April 1981, tempatnya digantikan, Tun Rahman Yaakub, juga untuk tempoh sepenggal, dari 2 April 1981 hingga 1 April 1985.

Tun Ahmad Zaidi Adruce pula dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri kelima dan beliau menjawat jawatan berkenaan hampir lima penggal dari 2 April 1985 sehingga beliau meninggal dunia.

Abang Muhammad Salahuddin dilahirkan pada 27 Ogos 1921 di Kampung Nangka, Sibu adalah anak lelaki tunggal kepada pasangan Abang Barieng Abang Anyut serta Dayang Temiang Abang Mansor.

Bapanya adalah seorang pemimpin Melanau yang terkenal di Sibu. Seperti bapanya, beliau juga aktif dalam politik Sarawak sebelum pembentukan Malaysia.

Beliau pernah memainkan peranan dalam penubuhan Barisan Pemuda Sarawak (BPS) dan Parti Barisan Rakyat Jati Sarawak (Berjasa).

Selepas menamatkan pengajian, Mohamad Salahudin menjadi Inspektor Kesihatan Percubaan sebelum menyertai Jabatan Pendaftaran Negara.

Antara 1952 hingga 1963, beliau bekerja dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan meletakkan jawatan untuk bertanding dalam pilihan raya umum pertama di Sarawak.

Beliau memenangi pilihan raya itu, tetapi meletakkan jawatan pada 1968 untuk kembali menyertai JKR.

(END)